



MAJLIS DAERAH TAPAH
PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (**Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak**), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu:-

JAWATAN : **PEMBANTU KHIDMAT AM**

KLASIFIKASI : **KEMAHIRAN**

GRED JAWATAN : **H1**

JUMLAH KEKOSONGAN : **2 KEKOSONGAN**

JADUAL GAJI : **GRED H1**
MINIMUM RM 1,500.00
MAKSIMUM RM 4,680.00

KENAIKAN TAHUNAN RM 100.00

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak,
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,500.00);atau
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,500.00);atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00)

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan

- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksankan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

Pegawai dalam percubaan Adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

Pegawai yang dilantik Adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- a) Memenuhi tempoh percubaan;
- b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai 13 Julai 2026 (Isnin).
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apaapa jawapan dalam masa (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.
4. Hanya calon-calon yang diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja yang dilantik mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
5. Calon perlu memuat naik **LESEN MEMANDU, DIPLOMA/IJAZAH, SIJIL-SIJIL BERKAITAN** dan **SALINAN CETAKAN AKREDITASI** bagi dokumen tambahan dalam permohonan jawatan yang berkaitan.
6. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-Sijil Persekolahan/Akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

**PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-
KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan: **31 Julai 2026**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TAPAH
JALAN STESYEN
35000 TAPAH
PERAK DARUL RIDZUAN**